

Perbankan Islam ke China

» Bank Muamalat jalin pakatan kendali latihan

B/H 21/7/12 MS2.

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan@bharian.com.my

Bank Muamalat Malaysia Bhd merintis usaha mengembangkan sektor perbankan Islam ke China dengan rancangan menubuhkan sebuah bank Islam operasi penuh di republik itu dalam tempoh dua tahun lagi.

Untuk tujuan itu, Bank Muamalat yang juga anak syarikat konglomerat DRB Hicom Bhd dan Khazanah Nasional Bhd menjalin kerjasama dengan Bank of Shi Zui Shan yang beribu pejabat di wilayah Ningxia, China.

Langkah berurusan itu sejajar hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pemangkin perkembangan sektor perbankan Islam ke seluruh dunia sekali gus mengukuhkan perkongsian strategik antara kedua-dua negara.

Kongsi kepakaran

Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid, berkata bagi merintis rancangan itu kumpu-



Mohd Redza (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Li (dua dari kanan) sambil diperhati Dr Munir (kiri) and Donald Lim. [SUGUMARAN/BH]

INFO

Bank of Shizuishan

- © Beroperasi di wilayah Ningxia, China.
- © Menyediakan perkhidmatan deposit dan pinjaman
- © Mempunyai 23 cawangan antaranya di bandar Yinchuan, Wuzhong dan Hefei
- © Penduduk Islam paling ramai di China

lan akan berkongsi kepakarannya dalam perbankan Islam dengan mengendalikan latihan untuk kakitangan bank China itu.

“Mengikut rangka kerja kerjasama ini, Bank Muamalat akan melatih kakitangan Bank of Shi Zui Shan aspek perbankan

Islam, seterusnya menawarkan produk serta perkhidmatan perbankan Islam di bank berkenaan,” katanya selepas memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan

Bank of Shi Zui Shan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai perjanjian itu bagi pihak Bank Muamalat, manakala Bank of Shi Zui Shan diwakili Pengerusinya, Li Deng Fang.

Perjanjian itu disaksikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim Siang Chai dan Pengerusi Bank Muamalat, Tan Sri Dr Munir Majid.

Latih kakitangan

Mengikut MoU itu, Bank Muamalat bersetuju untuk melatih lima kakitangan Bank of Shi Zui Shan dengan menanggung penuh yuran dan kos latihan.

Latihan itu akan diadakan

tiga hari bermula Isnin ini, yang mana sebaik saja ia berakhir kedua-dua pihak akan menubuhkan jendela atau kaunter bagi menawarkan produk perbankan Islam di Bank of Shi Zui Shan.

Bank Muamalat juga akan menyediakan perkhidmatan rundingan untuk bank China itu dalam proses pembangunan.

Mengulas lanjut, Mohd Redza Shah berkata, Bank Muamalat merancang membuka jendela perbankan Islam di 23 cawangan Bank of Shi Zui Shan di serata wilayah Xingnia dalam tempoh 12 bulan akan datang.